

Rabu, 17 Jun 2020 | 12:49pm



Peniaga durian perlu menggunakan alat timbang dan sukat yang masih sah tempoh ikut Akta Timbang dan Sukat 1972. Gambar hiasan.

Peniaga durian dikompaun guna alat timbang tamat tempoh

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

BUKIT MERTAJAM: Seorang peniaga durian dikenakan kompaun RM1,000 kerana menggunakan alat timbang dan sukat yang tamat tempoh sah.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Pulau Pinang, Mohd Ridzuan Ab Ghapar, berkata peniaga terbabit dikesan melakukan kesalahan itu dalam pemeriksaan pihaknya di Seberang Perai Tengah pada Jumaat lalu.

"Pemeriksaan akan diteruskan dari semasa ke semasa memandangkan kini adalah musim durian yang mana pasti ramai pengguna akan membelinya.

Jelasnya, penggunaan penimbang yang tamat tempoh menjadi satu kesalahan mengikut Seksyen 14(6) Akta Timbang dan Sukat 1972.

Orang awam diminta membuat laporan kepada KPDNHEP sekiranya terdapat peniaga yang mengambil kesempatan ke atas hak mereka.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/06/701199/peniaga-durian-dikompaun-guna-alat-timbang-tamat-tempoh>

